

KERAJAAN MALAYSIA
MAJLIS DAERAH JEMPOL
KENYATAAN TAWARAN

No Sebut harga	Keterangan	Gred/Katogeri/ pengkhususan	Harga Dokumen RM	Tarikh Tutup Sebutharga
MDJL BG/03/2016	Membina Surau Ar- Rasyidin Taman Intan Batu Kikir, Jempol	Gred G2 (Bumiputera) <u>Kategori</u> B-Pembinaan Bangunan <u>Pengkhususan</u> B04- Kerja Am Bangunan <u>Kategori</u> CE-Pembinaan Kejuruteraan Awam <u>Pengkhususan</u> CE21- Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam	50.00	01/04/2016 (Jumaat)

Dokumen sebutharga boleh disemak dan diperolehi dari Bahagian Jabatan Kejuruteraan Pejabat Majlis Daerah Jempol mulai daripada **28hb. Mac 2016 (Isnin)**. Dokumen sebutharga tidak akan dijual sebelum daripada tarikh di atas dan sehari (1 hari) sebelum tarikh tutup sebutharga seperti ternyata. Sebarang penjualan borang adalah tertakluk kepada pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) ke atas perolehan kerajaan sebanyak 6%.

Bayaran harga dokumen dalam bentuk wang tunai atau money order atau bank draf hendaklah atas nama **Yang Dipertua, Majlis Daerah Jempol** dan hendaklah dijelaskan di kaunter Majlis Daerah Jempol pada waktu pejabat. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah.

Lawatan tapak akan diadakan pada **25hb. Mac 2016 (Jumaat)** pada jam **10.00 pagi** dan **pemborong perlu hadir sendiri bersama dokumen-dokumen asal**. Pemborong yang berminat untuk menyertai sebutharga ini hendaklah berkumpul di perkarangan **Majlis Daerah Jempol** sebelum **9.00 pagi** untuk pendaftaran.

Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUTHARGA** di Pejabat Majlis Daerah Jempol sebelum pukul **12.00 t/hari** pada **01hb. April 2016 (Jumaat)**. Sila lampirkan salinan Sijil Pendaftaran GST bersama dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi bagi yang memiliki sijil tersebut

Pemborong yang tidak menghadiri lawatan tapak, secara automatik tidak akan dikeluarkan borang kepada yang berkenaan. Pemborong dikehendaki membawa "surat-surat pendaftaran asal" beserta salinan-salinannya ketika membeli Dokumen Sebutharga.

Majlis Daerah Jempol tidak akan terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagainya atau memberikan apa-apa sebab sesuatu sebutharga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan sebutharga ini.

SYARAT-SYARAT SEMASA MENGHADIRI LAWATAN TAPAK

1. Pemborong adalah daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan boleh menjalankan kerja-kerja di sekitar Daerah Jempol sahaja.
2. **Pemborong yang hadir dalam lawatan tersebut adalah tidak dibenarkan mewakili syarikat lain walaupun mempunyai surat pengesahan wakil lawatan tapak .**
3. Pemborong dikehendaki membawa bersekali sijil-sijil asal PPK dan CIDB semasa lawatan tapak.
4. Pemborong dikehendaki berkumpul terlebih dahulu di perkarangan Pejabat Majlis Daerah Jempol sebelum memulakan lawatan tapak.
5. Pemborong adalah daripada kontraktor bumiputera **Gred G2** yang berdaftar dengan **Majlis Daerah Jempol pada tahun 2016** dan pendaftaran masih sah atau telah memperbaharui pendaftaran.
6. Pendaftaran untuk menyertai lawatan tapak selepas jam 10.00 pagi tidak akan dilayan kecuali dengan sebab-sebab munasabah.
7. Kontraktor yang baru mendaftar dan memperbaharui pendaftaran pada hari lawatan tapak, tidak dibenarkan untuk menyertai lawatan tapak dan tidak dibenarkan untuk membeli borang sebutharga tersebut.

Tarikh Pengiklanan

21 Mac 2016


.....
(ROSTAM BIN OMAR)

Jurutera

b/p. Yang Dipertua

Majlis Daerah Jempol.